

SOALAN NO: 37

**PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli
[Dungun]**

TARIKH : 14 Mac 2016

**SOALAN : Tuan Wan Hasan bin Mohd
Ramli minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan langkah-
langkah konkrit bagi melindungi
nelayan pantai daripada
pencerobohan bot-bot besar pukat
tunda di perairan Terengganu.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Jabatan Perikanan Malaysia, bilangan vesel penangkapan ikan tradisi pada tahun 2014 yang dilesenkan di Negeri Terengganu adalah berjumlah 3,058 buah manakala pukat tunda Zon B yang dilesenkan adalah sebanyak 97 buah.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah mengambil beberapa langkah untuk menghentikan pencerobohan dan penganiayaan terhadap nelayan pantai berikutnya pencerobohan vesel pukat tunda antara lainnya seperti:-

- i) mewajibkan pemasangan *Mobile Tracking Unit* (MTU) atau *Automatic Identification System* (AIS) ke atas semua vesel pukat tunda berkuatkuasa pada 1 Jun 2014;
- ii) menggunakan saiz mata keroncong pukat tunda tidak kurang 38 mm berkuatkuasa pada 1 November 2013;

- iii) melaksanakan dasar lesen tidak boleh dipindah milik; dan
- iv) mengenakan kompoun yang tinggi dan digantung lesen selama setahun sekiranya didapati melanggar syarat dan peraturan lesen yang ditetapkan.

Sepanjang tahun 2015, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah menjalankan sejumlah 24 program pemantauan dan pengawasan secara bersepadu di seluruh Negara. Hasil daripada program ini beberapa tangkapan telah dibuat melibatkan kesalahan seperti pencerobohan kawasan tradisi dan larangan, penggunaan kru warga asing tanpa kebenaran dan lain-lain kesalahan yang menyalahi syarat lesen.